

LATIHAN 2: Menyatakan maksud rasuah dan contoh perbuatan rasuah – TP 1

A. Lengkapkan pernyataan yang berikut tentang maksud rasuah.

amanah	menyogok
kuasa	wang

Rasuah Perbuatan (1) _____ atau menyuap seseorang dengan (2) _____ atau barangan agar orang yang disogok dapat menggunakan (3) _____ atau kemampuannya untuk menyelesaikan sesuatu tugas secara tidak (4) _____.

B. Padankan contoh perbuatan rasuah yang berikut. SP4.5.2 TP1

1 Meminta dan menerima rasuah

Seorang penguatkuasa bersikap pilih kasih dalam mengambil tindakan terhadap saudaranya yang melakukan kesalahan

2 Menggunakan kuasa dan kedudukan untuk suapan

Pengawas sekolah meminta wang daripada seorang pelajar yang ditangkap kerana merokok di tandas. Wang tersebut adalah sebagai balasan untuk tidak melaporkan kesalahan itu kepada guru disiplin

3 Tuntutan palsu

Pengusaha kantin menawarkan makanan dan minuman percuma kepada seorang pelajar yang terjumpa seekor lipas mati di dalam bihin goreng agar tidak membuat aduan kepada pihak sekolah

4 Menawar dan memberi rasuah

Seorang penjawat awam mengemukakan sijil sakit palsu kepada ketua jabatannya